

33  
NO. SOALAN : 55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG**  
**KETIGA BELAS, PENGGAL KEENAM, MESYUARAT PERTAMA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI**

**[ DUNGUN ]**

**TARIKH : 20 MAC 2018 (SELASA)**

**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab pembinaan Perumahan Generasi Baru FELDA (PGBF) tergendala tidak mencapai sasaran dan nyatakan Pelan Tindakan Penyelesaian berikutnya hanya 26 unit sahaja yang diduduki dari 20,000 unit PGBF yang dijanjikan dalam tempoh 5 tahun dari tahun 2013.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI RAZALI BIN IBRAHIM,  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah mengenalpasti bahawa kelemahan kontraktor merupakan faktor utama yang menyebabkan pembinaan Perumahan Generasi Baru FELDA (PGBF) tergendala dan tidak mencapai sasaran. Ia melibatkan pembinaan PGBF di 30 Rancangan FELDA yang merangkumi sebanyak 6,570 unit rumah. FELDA telah mengambil tindakan dengan menamatkan sebahagian kontrak kerja tersebut. Perkara ini telah diputuskan dalam Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 374 pada 25 Januari 2018 iaitu dengan meluluskan 11 tapak untuk ditamatkan kontrak dan ditender semula.

Manakala berdasarkan Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 356 pada 20 Mac 2017, FELDA telah bersetuju dengan Dasar Pemberimilikan Tanah Kosong Dalam Pegangan Bandar (Urban Area), Seksyen 6, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 di mana pelaksanaan Fasa 1 adalah ke atas baki tapak-tapak PGBF yang masih belum dibuat. Dalam pelaksanaan dasar tersebut, FELDA telah menandatangani MoU dengan SPNB untuk membangunkan Rumah Mesra Rakyat-FELDA (RMR-FELDA) Fasa 1 dengan spesifikasi 3 bilik tidur 2 bilik air berkeluasan 1,000 kaki persegi bagi Semenanjung dan 700 kaki persegi bagi Sabah pada 13 April 2017. FELDA telah diperuntukkan RM164 juta untuk membina 5,000 unit RMR-FELDA semasa pembentangan Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017. Sejumlah RM300 juta kos infrastruktur bagi membina 5,000 unit RMR-FELDA perlu ditanggung oleh FELDA. Bagi memastikan projek ini terlaksana dengan jayanya, Unit Penyelarasian

Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) juga akan turut terlibat dalam Jawatankuasa Pemandu RMR-FELDA .

Dalam menangani isu projek PGBF yang tergendala, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan telah memainkan peranan dan memberi sokongan kepada FELDA khususnya membantu dalam menyelaras prosedur pembangunan. Contohnya seperti dilaksanakan di Negeri Johor iaitu dengan mewujudkan Jawatankuasa Rumah Generasi Ke-2 FELDA yang secara langsung telah membantu FELDA bagi memastikan objektif PGBF tercapai di Negeri Johor.

Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak 106 unit rumah PGBF telah diserahkan kepada peserta yang berjaya, di mana sebanyak 26 orang telah menerima kunci pada 17 Mei 2017 di Padang Piol dan 80 orang di Sungai Tiang pada 6 Jun 2017. Manakala pada bulan Mac hingga Mei 2018 sebanyak 1,304 unit PGBF akan diserahkan kepada peserta yang berjaya di FELDA Selancar 4/5 sebanyak 480 unit, Selendang 2 sebanyak 360 unit, Keratong 4 sebanyak 264 unit dan 200 unit di Inas Utara. Baki sebanyak 1,204 unit akan serahkan secara berperingkat sehingga penghujung tahun ini.

Selain itu, pengenalan inisiatif pemilikan secara Skim Sewa Beli (*Rent to Own-RTO*) diperkenalkan dan dilaksanakan bagi membolehkan peserta mendiami rumah PGBF sehingga pembiayaan perumahan mereka selesai. Inisiatif ini merupakan tindakan FELDA membantu peserta menguruskan kewangan mereka supaya sewa bulanan dapat dibayar.

Sekian. Terima kasih.